

Pemergian Pak Lah jadi titik mula perdamaian parti Melayu

• Sebagai Presiden UMNO, beliau tetap memperjuangkan kepentingan Melayu dan Bumiputera tanpa menjadikan sentimen perkauman sebagai modal politik

• Kepemimpinan beliau adalah bukti kuasa bukan untuk digenggam selamanya, tetapi amanah harus dijaga dan sedia dilepaskan demi pengorbanan dalam perjuangan

Oleh Datuk Dr Mohd Radzi
Abd Latif
bhrencana@bh.com.my



Pengasas Gagasan
Profesional
Melayu Malaysia

Pemergian Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 15 April lalu bukan sekadar satu peristiwa pilu negara, tetapi detik simbolik menyentuh nurani politik dan kebangsaan.

Pengebumian Allahyarham Abdullah yang lebih mesra dengan panggilan Pak Lah di Makam Pahlawan, Masjid Negara, dihadiri ramai tokoh Melayu merentasi spektrum politik - daripada kerajaan dan pembangkang, bekas Perdana Menteri hingga pemimpin parti serta pertubuhan masyarakat.

Ini bukan sekadar hadir memenuhi adat, tetapi satu manifestasi penghormatan terhadap seorang negarawan dikenang kerana gaya kepemimpinan sederhana, beretika dan berpaksikan nilai.

Apa yang lebih menyentuh hati adalah simbolisme di sebalik pertemuan pemimpin Melayu yang pernah berbeza ideologi dan sejarah politik untuk berdiri sebaris, berjabat tangan serta berpelukan dalam semangat kesatuan.

Peristiwa ini memberi isyarat kepada rakyat mengenai harapan baharu bahawa rekonsiliasi (perdamaian) nasional bukan ilusi, tetapi kemungkinan boleh dirintis. Ini adalah seruan nasional untuk kita sedar dan bermuhasabah.

Ini wajar diterjemahkan menjadi kebangkitan semangat politik baharu lebih matang, inklusif dan berpaksikan kepentingan rakyat. Kesediaan mengenggang jasa Pak Lah bukan sekadar penghormatan atau menyempurnakan protokol tetapi peluang membina naratif politik Melayu lebih bertanggungjawab dan profesional ketika bangsa diuji pelbagai cabaran.

Abdullah dikenali sebagai pemimpin berjiwa halus. Dalam tempoh pentadbirannya (2003-2009), beliau memperjuangkan dasar memberi keutamaan berimbang iaitu kesederhanaan, musyawarah serta pembangunan sosioekonomi seimbang.

Sebagai Presiden UMNO, beliau tetap memperjuangkan kepentingan Melayu dan Bumiputera tanpa menjadikan sentimen perkauman sebagai modal politik.

Usahnya meningkatkan pendidikan dan memperluas akses ekonomi, terutama di luar bandar memperlihatkan kesungguhannya membina upaya serta kapasiti bangsa Melayu dalam dunia moden.

Pendekatan 'lembut tetapi berkesan' dibawanya barangkali tidak selari dengan selera politik lebih agresif, tetapi ia disenangi rakyat kerana membawa keseimbangan dan kestabilan.

Dalam politik yang sering dibayangi percaturan peribadi, Pak Lah muncul sebagai satu sosok kontra iaitu beliau tidak lantang, tetapi tetap berkesan.

Beliau tidak populis, tetapi konsisten berpegang dan mempertahankan nilai.

Kemuncak keperibadian beliau terserlah apabila beliau secara sukarela melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 2009. Beliau memilih untuk tidak bertanding mempertahankan jawatan bagi mengelakkan perpecahan dalam UMNO.

Pak Lah membuktikan jawatan Perdana Menteri bukan segala-galanya. Sebaliknya, masa depan UMNO yang juga masa depan bangsa Melayu lebih penting sehingga beliau rela mengelakkan pertembungan atau pertandingan jawatan Presiden UMNO.

Enggan wujud blok politik lemahkan UMNO

Sebabnya beliau tidak mahu wujud blok politik yang pecah dan bakal melemahkan bangsa Melayu kerana lemahnya UMNO.

Pemergian Pak Lah seharusnya menjadi titik tolak memulakan usaha serius ke arah rekonsiliasi politik Melayu. Bukan sekadar simbolik, tetapi asas untuk membina semula landskap politik negara lebih bersatu dan beretika.

Langkah pertama ialah mewujudkan Dialog Rekonsiliasi dan Perpaduan Nasional membabitkan bukan sahaja pemimpin politik, tetapi tokoh akademik, masyarakat sivil dan pemikir strategik. Ia harus inklusif dan fokus kepada dasar nasional, penyelesaian perbezaan politik dan mekanisme konsensus.

Sebagai kesinambungan, Majlis Rekonsiliasi dan Konsensus Politik boleh ditubuhkan sebagai platform rasmi merumuskan cadangan, dasar dan konsensus politik jangka panjang. Ini akan menjadi medan menyatukan idea dan aspirasi pelbagai pihak demi kestabilan serta masa depan negara.

"Pak Lah buktikan jawatan Perdana Menteri bukan segala-galanya. Sebaliknya, masa depan UMNO yang juga masa depan bangsa Melayu lebih penting sehingga beliau rela mengelakkan pertembungan atau pertandingan jawatan Presiden UMNO"

Sebagai penghormatan lebih lestari, Institut Abdullah Ahmad Badawi wajar diwujudkan untuk Kepimpinan Beretika dan Rekonsiliasi Nasional.

Institut ini akan menjadi platform hidup meneruskan semangat Pak Lah iaitu integriti, kesederhanaan dan perpaduan yang kini semakin kritikal dalam suasana politik dan sosial kita.

Sejarah membuktikan sumbangan besar seorang pemimpin selalunya hanya dihargai selepas pemergiannya. Maka jangan menunggu masa untuk menghargai nilai dan jiwa kepemimpinan Pak Lah.

Kepimpinan beliau adalah bukti kuasa bukan untuk digenggam selamanya, tetapi amanah harus dijaga dan sedia dilepaskan demi pengorbanan dalam perjuangan. Bagi Pak Lah, lawan politik bukan musuh peribadi, satu prinsip perlu disemat dalam jiwa setiap pemimpin hari ini.

Pemergian Pak Lah membuka ruang untuk kita kembali merenung dan menyusun semula perjalanan politik negara. Mungkin, dalam kehilangan ini, kita menemui semula jalan pulang kepada nilai yang pernah menyatukan kita sebagai Bangsa Melayu dan rakyat Malaysia.

Kegagalan pemimpin Melayu mencapai rekonsiliasi memberi kesan mendalam terhadap kestabilan politik negara dan masa depan bangsa.

Perpecahan berterusan bukan sahaja melemahkan suara kolektif dalam merangka dasar penting, malah membuka ruang kepada perebutan kuasa tidak berkesudahan.

Ia menyebabkan undi Melayu terpecah dan kekuatan politik yang sepatutnya menjadi tunggak kestabilan negara berubah menjadi titik kelemahan.

Perbalahan tidak berpenghujung membuka pintu campur tangan asing dan tekanan geopolitik kuasa besar yang ingin melihat Malaysia lemah serta terpecah. Justeru penyatuan bangsa Melayu bukan lagi idealisme nostalgik, tetapi satu keperluan strategik.

Kompromi dan rekonsiliasi nasional yang disarankan bukan bermakna hendak memenangkan satu pihak dan menafikan hak pihak lain. Mengalah dan berkompromi adalah syarat utama rekonsiliasi bagi meletakkan kepentingan negara pada posisi tertinggi.

Perpecahan dalaman hanya akan melemahkan posisi bangsa Melayu merangka dasar, mempertahankan hak serta bersaing dalam pentas global.

Maka, pemimpin Melayu perlu segera menyedari kekuatan sebenar bukan terletak pada keupayaan mencabar, melemah atau menundukkan lawan politik, tetapi kebijaksanaan untuk membina konsensus dan perpaduan demi kelangsungan bersama melalui satu proses rekonsiliasi.

Semangat dan pendekatan pernah dibawa Pak Lah wajar dijadikan acuan dalam merintis satu jalan baharu untuk masa depan bangsa dan negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH